

# Kes jenayah menurun

Berita harian 19/05/2010 M/S 1

## Bukti bandar raya masih selamat dikunjungi, didiami

Oleh Hardi Effendi Yaacob  
dan Wan Faizal Ismayatim  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Kuala Lumpur mencatatkan penurunan indeks jenayah kira-kira 30.2 peratus sepanjang dua bulan pertama tahun ini berbanding 28.7 peratus bagi tempoh sama tahun lalu dalam pemantauan dilakukan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Ia sekali gus membuktikan bandar raya ini masih selamat dikunjungi dan didiami, selain mampu untuk terus menjadi pilihan tumpuan syarikat asing sebagai destinasi pelaburan utama.



masi pelepasan utama.

Berdasarkan statistik dike-  
laporkan di ibu negara se-  
panjang dua bulan pertama  
tahun ini, menurun sekali  
ganda daripada 6,478 kes je-  
nyah yang dicatatkan pada  
Januari dan Februari 2009.

Malah, statistik sama turut  
menunjukkan penurunan inde-  
ks jenayah jalanan kira-kira  
40.8 peratus berbanding  
44.6 peratus sebelum ini.

Sumber memberitahu *Berita Harian*, 855 kes jenayah  
jalanan dilaporkan pada Ja-  
nuari lalu dan menurun ke-  
pada 792 kes 'bulan berikut-  
nya, dengan penurunan itu  
disifatkan amat mendadak  
berbanding 2,883 kes dilapor-  
kan bagi dua bulan pertama  
tahun lalu.

"Ia secara tidak langsung  
membuktikan masalah itu  
dapat dikawal, selain mampu  
mencapai penurunan 20 pe-  
ratus indeks jenayah jalanan  
di Kuala Lumpur seperti di-  
sasarkan dalam Bidang Ke-  
berhasilan Utama Negara  
(NKRA) menjelang hujung  
tahun ini," katanya.

Sementara itu, pelbagai  
pendekatan terus dilakukan  
kementerian terbabit dalam  
mencapai sasaran berkenaan  
melalui Polis Diraja Malay-  
sia (PDRM), Ikatan Sukare-  
lawan Rakyat (Rela), Jabatan  
Pertahanan Awam (JPA3),  
yang turut membabitkan ker-  
jasama pihak berkuasa tem-  
patan (PBT), sektor korporat  
serta masyarakat sendiri.



**POLIS** membuat rondaan di sekitar Jalan Pudu.

Ia termasuk memperluas-  
kan penggunaan kamera li-  
tar tertutup (CCTV), Skim  
Rondaan Sukarela (SRS), ba-  
lai polis bergerak dan unit  
peronda bermotosikal, teru-  
tama di kawasan dikenal pas-  
ti sering berlaku kes jena-  
yah.

Menteri Dalam Negeri, Da-  
tuk Seri Hishammuddin Hus-

sein, berkata usaha itu se-  
bahagian daripada 52 inisi-  
atif yang akan diberikan  
tumpuan dalam Makmal  
NKRA, khusus bagi mengu-  
rangkan jenayah.

"Ia diharapkan mampu  
mempertingkatkan pembabi-  
tan masyarakat dalam mem-  
merangi jenayah dan mem-  
elihara keselamatan di per-

mahan mereka. SRS juga  
salah satu ciri 'omni presen-  
ce' bagi menunjukkan keha-  
diran petugas keselamatan  
penting untuk membanteras  
jenayah.

"PDRM selaku peneraju  
usaha membanteras jenayah  
bertanggungjawab memberi-  
kan nasihat dan panduan ke-  
pada SRS bagi memastikan

“**Memerangi  
jenayah memang  
tanggungjawab  
polis, namun  
masyarakat juga  
perlu memainkan  
peranan mereka.  
Masyarakat boleh  
menjadi penyalur  
maklumat  
kepada polis”**

**Hishammuddin  
Hussein**  
Menteri Dalam Negeri

setiap tindakan mereka mengikut peraturan sedia ada,” katanya selepas melancarkan Program SRS Melancarkan Sentul, di sini, malam kelmarin.

Katanya, SRS mampu memberi implikasi besar dalam usaha mengurangkan jenayah, selain mengurangkan perasaan bimbang orang ramai mengenai kemungkinan menjadi mangsa penjenayah.

“Memerangi jenayah memang tanggungjawab polis, namun masyarakat juga perlu memainkan peranan mereka. Masyarakat boleh menjadi penyalur maklumat kepada polis untuk merangka pelan pencegahan dan tindakan memerangi jenayah,” katanya.

SYARAFIQ ABD SAMAD | BERITA HARIAN